

UCAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI,
DATUK HUSSEIN ONN, DI PERJUMPAAN
DENGAN WAKIL-WAKIL RAKYAT DAN
KETUA-KETUA JABATAN NEGERI
JOHOR DI BILIK DEWAN UNDANGAN
NEGERI, JOHOR BAHRU PADA 27HB
NOVEMBER, 1976 - JAM 3.30 PTG.

Y.A.B. Tan Sri Datuk Haji Othman Saat,
Menteri Besar Johor,

Y.B. Ahli-Ahli Majlis Kerja Negeri,

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Datuk-Datuk, dan

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya terlebih dahulu mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dapat bersama-sama hadir di Majlis Perjumpaan petang ini. Saya mengucapkan terimakasih dan penghargaan kepada sekalian hadirin khasnya Y.A.B. Tan Sri Datuk Haji Othman Saat yang telah mengaturkan perjumpaan serta kerjasamanya dalam susunan aturcara lawatan saya ke Johor kali ini.

2. Tujuh bulan dulu saya telah berucap di majlis perjumpaan seperti ini di Dewan yang sama di mana saya telah menegaskan pentingnya Wakil-Wakil Rakyat sebagai pemimpin masyarakat dan Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan yang mengendalikan jentera pelaksanaan, menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing bagi menentukan kejayaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

3. Sungguhpun pada hakikatnya Rancangan Malaysia Ketiga diluluskan pada pertengahan tahun ini, kita telahpun menjalani masa pelaksanaannya hampir setahun. Kita akan memasuki tahun kedua pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga pada awal

tahun depan iaitu 35 hari sahaja lagi. Menjelangnya tahun baru itu saya sukalah Wakil-Wakil Rakyat dan Ketua-Ketua Jabatan mengamalkan semangat dan jiwa baru dengan mencurahkan segala tenaga dan keupayaan mereka terhadap pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga itu. Ini adalah penting supaya sebarang kelewatan yang tidak dapat dielakkan yang telah berlaku pada tahun ini akan dapat ditebus kembali kegiatannya pada tahun hadapan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

2. Pada hemat saya tahun 1977 merupakan tahun yang paling penting dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga kita ini kerana satu kajian setengah penggal akan dijalankan pada tahun 1978. Dalam tahun 1977

kita hendaklah melipatgandakan usaha dan tenaga kita, supaya penilaian dan kajian yang akan dijalankan pada tahun berikutnya akan mencerminkan prestasi (performance) dan keupayaan kita mengendalikan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga seluruhnya. Ini adalah perlu supaya jika kita mempunyai kebolehan dan keupayaan melaksanakan lebih dari apa yang telah dirancangkan saya sukalah membayangkan, jika kedudukan kewangan kita mengizinkan, bahawa rancangan-rancangan tambahan akan diadakan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga mengikut keperluan, kebolehan dan kehendak rakyat ramai selepas daripada kajian itu. Itulah sebabnya saya menegaskan sekali lagi pentingnya tiap-tiap rancangan pembangunan disiapkan dalam jangka masa yang ditentukan.

5. Pada masa-masa yang lalu kelewatan menyiapkan projek-projek pembangunan dalam jangka masa yang ditentukan itu adalah menjadi satu kebiasaan.

Alasan-alasan mengapa kelewatan seperti ini berlaku, memang sentiasa ada dikemukakan, lebih-lebih lagi dalam tahun-tahun 1974 dan 1975 di sebabkan kekurangan kewangan negara akibat kemerosotan dan kemelesetan ekonomi dunia yang telah juga melanda negara kita.

6. Saya harap mulai tahun 1977 ini amalan seperti ini hendaklah dihentikan. Keupayaan kita melaksanakan semua projek-projek pembangunan dalam Rancangan Malaysia Ketiga amatlah menggalakkan sekarang ini, memandangkan peningkatan pertumbuhan

ekonomi negara.

7. Insya Allah dengan izin Allah punca kewangan kita dari hasil minyak dan bahan-bahan pengeluaran utama yang lain akan meningkat dan membolehkan kita membiayai sepenuhnya perbelanjaan yang diperlukan untuk pembangunan. Tambahan pula keadaan keselamatan negara pada akhir-akhir ini adalah cerah sedikit dan saya harap keadaan ini akan dapat berkekalan sekiranya

..7/-

rakyat berbilang kaum yang cintakan keamanan dan kebahagiaan terus memberikan kerjasama mereka dan menjalankan peranan mereka masing-masing.

8. Bagi pihak Kerajaan, langkah-langkah akan terus dijalankan bagi menjamin ketenteraman dan keamanan yang berkekalan ini wujud sepanjang masa supaya hasrat kita mencapai kemajuan ekonomi yang lebih tinggi dapat dijayakan sepenuhnya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

9. Hakikat ini hendaklah dijelaskan kepada rakyat supaya mereka sentiasa sedar dan berwaspada terhadap anasir-anasir yang sengaja membangkitkan issue-issue lama dengan tujuan meracuni fikiran rakyat berbilang kaum menyuarakan rasa tidak puas hati mereka terhadap Kerajaan.

10. Dalam hubungan ini saya sukalah mengingatkan wakil-wakil rakyat supaya sentiasa mendampingi rakyat di kawasan mereka masing-masing. Mereka hendaklah mengetahui serta mengkaji masaalah dan kehendak-kehendak rakyat dari masa ke semasa. Dengan jalan ini pengundi-pengundi kita tidak akan senang diperdayakan oleh pihak yang mengaku diri mereka boleh memperjuangkan nasib dan kebajikan rakyat ramai.

11. Bagi kita dalam Barisan Nasional khususnya UMNO, kita mempunyai jentera yang cukup lengkap dari peringkat cawangan hinggalah ke peringkat bahagian dan pusat untuk menyalurkan segala masalah atau perasaan rasa tidak puashari rakyat itu kepada pihak-pihak tertentu. Rakyat juga bebas mengemukakan cadangan yang difikirkan manasabah bagi memperbaiki dan melicinkan lagi jentera pentadbiran parti dan Kerajaan supaya pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga boleh mendatangkan kesan yang lebih sempurna lagi.

12. Bagi mengekalkan hubungan rapat dengan rakyat saya sukalah mencadangkan semoga wakil-wakil rakyat dapat menjadualkan lawatan-lawatan mereka ke kawasan masing-masing supaya meliputi semua kampung di kawasan mereka

sekurang-kurangnya setahun sekali. Mereka hendaklah menemui rakyat sebagaimana mereka lakukan semasa menjalankan kempen pilihanraya lalu untuk mendapat undi mereka.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

13. Pada pendapat saya lawatan seperti ini amatlah perlu supaya kita sentiasa dapat mengikuti fikiran dan sikap rakyat ramai. Disamping kita dapat mengkaji atau mengetahui masaaalah dan kehendak mereka, kita juga dapat menerangkan kepada rakyat hasrat dan keazaman Kerajaan serta dasar-dasar yang dijalankan oleh Kerajaan demi kepentingan dan faedah rakyat seluruhnya. Kita hendaklah pada setiap masa cuba meningkatkan penglibatan rakyat dalam semua rancangan pembangunan supaya segala kemajuan yang

dicapai dapat benar-benar dinikmati atau dirasakan oleh mereka.

14. Kerajaan akan sentiasa menjalankan segala usaha untuk memajukan rakyat tetapi yang penting ialah rakyat hendaklah memberikan sambutan sewajarnya terhadap tindakan dan usaha Kerajaan itu supaya apa jua rancangan pembangunan yang dibawakan kepada rakyat itu mendatangkan hasil dan kesan sepenuhnya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

15. Saya telah menyatakan tadi bahawa keupayaan kita melaksanakan semua projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga begitu menggalakkan memandangkan kedudukan ekonomi dan kewangan semakin bertambah baik. Dengan adanya punca hasil baru yang akan diperolehi dari pengeluaran minyak dan gas keadaan

ekonomi akan bertambah meningkat. Pada hemat saya, masalah pelaksanaan projek pembangunan menghadapi kekurangan kewangan tidak akan timbul sama sekali di masa hadapan. Sebaliknya kita hendaklah bersiap sedia menggerakkan jentera pentadbiran bagi memesatkan lagi pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan ini kerana kemungkinan kita menghadapi cabaran kerja yang lebih besar dalam beberapa tahun ke hadapan ini.

16. Oleh kerana pelaksanaan rancangan-rancangan ini kebanyakannya melibatkan beberapa Jabatan Kerajaan, saya sukalah melihat semua Jabatan-Jabatan Kerajaan dalam sesebuah negeri itu bergerak sebagai satu pasukan, supaya pelaksanaan rancangan pembangunan di masa akan datang dapat dijalankan dengan lebih licin dan teratur lagi.

17. Ketua-ketua Jabatan hendaklah memastikan supaya hubungan rapat serta persefahaman di kalangan pegawai dan kakitangan di bawah jagaan mereka dan seterusnya di antara Jabatan di peringkat daerah dan negeri sentiasa dipelihara dan dikekalkan. Dengan jalan ini segala kerja pelaksanaan tetap tidak akan menghadapi kebuntuan.

18. Sesungguhnya semangat seperti ini akan meninggikan lagi kecekapan dalam jentera pentadbiran Kerajaan serta disanjung tinggi oleh rakyat. Inilah juga sebaik-baik contoh yang boleh kita tunjukkan kepada rakyat sebagai sumbangan kita ke arah pencapaian perpaduan negara yang lebih erat lagi. Syukurilah Negeri Johor, di bawah pimpinan dinamis Menteri Besarnya, telahpun membuktikan hasrat ini dan itulah sebabnya saya ^{berasa} dapat ringan sedikit daripada dibebankan oleh masalah-masalah. . . 14/-

19. Dalam hubungan ini saya sukalah mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Y.A.B. Tan Sri Datuk Haji Othman Saat atas kejayaannya mewujudkan perpaduan ini. Perpaduan bukan sahaja wujud di kalangan rakyat dan di kalangan pegawai dan kakitangan Kerajaan bahkan di antara Ketua-Ketua Jabatan dan Wakil-Wakil Rakyat. Saya harap suasana dan semangat seperti ini dapat terus dikekalkan supaya kemajuan di negeri ini akan dapat ditingkatkan lebih tinggi lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

20. Saya menyatakan pentingnya kedua-dua golongan Wakil Rakyat dan Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan mewujudkan kerjasama yang rapat serta mengekalkan persefahaman yang baik semata-mata

ialah kerana kepentingan rakyat ramai. Sungguhpun kedua-dua kita berkhidmat untuk rakyat, tetapi wakil-wakil rakyat adalah bertanggungjawab terus kepada rakyat, terpaksa sentiasa menjunjung cita-cita suci rakyat serta memenuhi kehendak-kehendak rakyat ramai. Kita terpaksa menemui semula rakyat di akhir tempoh penggal perkhidmatan kita untuk mendapatkan kepercayaan mereka, mendapatkan mandat baru dari rakyat bagi terus memperjuangkan nasib dan kebajikan mereka.

21. Pegawai dan kakitangan Kerajaan adalah dilantik untuk berkhidmat kepada rakyat ramai, mengendalikan jentera pentadbiran Kerajaan melaksanakan dasar yang telah ditentukan mengikut hasrat dan aspirasi rakyat. Siapapun yang memegang teraju Kerajaan, UMNO kah, Parti Perikatan ataupun Barisan

Nasional, pegawai dan kakitangan Kerajaan tetap kekal di jawatan masing-masing menjalankan peranan dan kewajipan yang ditugaskan kepada mereka. Kedudukan mereka tidak terjejas melainkan jika mereka mempunyai sikap dan pendapat yang tidak sehaluan dengan dasar-dasar atau tindakan-tindakan Parti yang mendukung Kerajaan. Jika perasaan ini sangat bertentangan dengan jiwa dan falsafah hidupnya tentu mereka tidak mempunyai jalan yang lain, melainkan mengundur diri dari jawatannya itu.

22. Saya membangkitkan perkara ini bukanlah disebabkan rasa tidak puas hati terhadap jentera pentadbiran Kerajaan, tetapi ialah kerana hendak menyakinkan kepada Pegawai dan Kakitangan Kerajaan

betapa tingginya harapan kita terhadap kelicinan dan kecekapan jentera pentadbiran supaya segala rancangan yang telah dirancang di bawah Rancangan Malaysia Ketiga khasnya projek-projek yang memberi faedah terus kepada rakyat ramai dilaksanakan dengan jayanya dalam jangka masa yang ditentukan.

23. Saya harap semua peringkat Pegawai dan Kakitangan Kerajaan benar-benar faham akan hakikat ini kerana tiap-tiap seorang dari kita mempunyai peranan dan tugas masing-masing menentukan kejayaan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga ini. Sewajarnya menjelang tahun 1977 ini kita menambahkan usaha dan tenaga kita serta meningkatkan

keupayaan dan prestasi kita, supaya kedua² kita -
Wakil Rakyat serta Pegawai dan Kakitangan Kerajaan -
dapat mencatat sejarah baru dalam bidang
pembangunan mulai tahun 1977 ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

24. Dengan ini saya sekali lagi mengucapkan
terimakasih kepada sekalian hadirin dan suka
✓ membukakan majlis ini kepada mereka yang ingin
mengemukakan soalan dan pertanyaan. Saya mintalah
wakil-wakil akhbar dan Radio undur dari bilik Dewan
ini bagi membolehkan majlis ini dijalankan secara
terus terang dan dalam suasana penuh keikhlasan.

Terimakasih.



kepercayaan dan prestasi kita, supaya kedua kita -
 Wakil Rakyat serta Pegawai dan Kakitangan Kerajaan -
 dapat meneliti sejarah baru dalam bidang
 pembangunan mulai tahun 1977 ini.
 Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

24. Dengan ini saya sekali lagi mengucapkan
 terimakasih kepada sekalian hadirin dan suka
 membukakan majlis ini kepada mereka yang ingin
 mengemukakan soalan dan pertanyaan. Saya minitah

**PERKHIDMATAN
 ARKIB PERDANA MENTERI**



No. Siri 230
 No. Penerimaan 37/78

JUL 1978